# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# JUMAAT 13 OGOS 2021

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | RAKAN STRATEGIK DOF SUMBANG RM34,500 JAYAKAN PROGRAM MAFI PRIHATIN, BERNAMA -ONLINE | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 2. | RAKAN STRATEGIK DOF SUMBANG RM34,500 JAYAKAN PROGRAM MAFI PRIHATIN, NEWS.MALAYSIA SEJAHTERA -ONLINE | |
| 3. | 630 BAKUL MAKANAN BANTU GOLONGAN SEKTOR PERIKANAN, MSN.COM -ONLINE | |
| 4. | RAKAN STRATEGIK JABATAN PERIKANAN MALAYSIA LAKSANA CSR MAFI PRIHATIN SASAR KUMPULAN SEKTOR PERIKANAN, SABAH MEDIA -ONLINE | |
| 5. | FISHERIES DEPT'S STATEGIC PARTNERS DONATE FOOD ITEMS WORTH RM34,500 FOR MAFI PRIHATIN, BERNAMA -ONLINE | |
| 6. | RAKAN STRATEGIK DOF SUMBANG RM34,500 JAYAKAN PROGRAM MAFI PRIHATIN, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE | |
| 7. | MAFI HAS DISTRIBUTED 60,000 FOOD BASKETS TO THE TARGET GRO, BERITA NASIONAL -TV1 | |
| 8. | MAFI PRIHATIN BANTU 71,491 PENERIMA DI 400 LOKASI SELURUH NEGARA, UM -ONLINE | |
| 9. | 71,491 ORANG TERIMA MANFAAT MAFI PRIHATIN, NEGARA, KOSMO -13 | |
| 10. | KUMPULAN SASAR SEKTOR PERIKANAN TERIMA 630 BAKUL MAKANAN, NASIONAL, BH -14 | |
| 11. | FISHERIES DEPT STRATEGIC PARTNERS DONATE FOOD BASKETS, NEWS, NST -6 | |
| 12. | JUAL BAJA, BENIH BETIK LAGI LAKU, DALAM NEGERI, UM -24 | LAIN-LAIN |
| 13. | CIKGU AMAL SENDIRI ILMU DIAJAR, LOKAL, HM -21 | |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/8/2021 | BERNAMA | ONLINE | |

# Rakan strategik DOF sumbang RM34,500 jayakan program MAFI Prihatin



PUTRAJAYA, 12 Ogos -- Rakan-rakan strategik Jabatan Perikanan (DOF) tampil menyertai Program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin dengan menyumbang bakul makanan keseluruhan bernilai RM34,500.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata sumbangan bakul makanan berkenaan yang merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat syarikat terbabit akan diserahkan kepada kumpulan sasar sektor perikanan.

Antara 11 rakan strategik yang memberikan sumbangan adalah Syarikat Kimi Ocean Food Industries M Sdn Bhd (Kuala Lumpur), Jamilah Hasil Laut (Perak), Blue Archipelago Berhad (Terengganu) dan Pengusaha Isi Ikan Kota Kinabalu (Sabah).

"Kami harap lebih banyak syarikat swasta tampil untuk sama-sama menyumbang bagi menjayakan Program MAFI Prihatin yang telah diusahakan kementerian sejak awal tahun ini," katanya pada sidang media selepas sesi penyerahan bakul makanan di Wisma Tani, di sini hari ini.

Lokasi pertama penyerahan 630 bakul makanan MAFI Prihatin DOF adalah di Pulau Tioman, Pahang, diikuti Port Dickson, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan beberapa lokasi lain.

Menurut Ronald, lebih 60,000 bakul makanan telah diagih kepada golongan sasar menerusi program berkenaan dengan nilai bantuan mencecah RM5.4 juta dan usaha diteruskan dengan penglibatan lebih ramai rakan strategik.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/8/2021 | NEWS.MALAYSIA SEJAHTERA | ONLINE | |

## Am : Rakan strategik DOF sumbang RM34,500 jayakan program MAFI Prihatin




PUTRAJAYA, 12 Ogos -- Rakan-rakan strategik Jabatan Perikanan (DOF) tampil menyertai Program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin dengan menyumbang bakul makanan keseluruhan bernilai RM34,500. - BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/8/2021 | MSN.COM | ONLINE | |

## 630 bakul makanan bantu golongan sektor perikanan




© Provided by Berita Harian Ronald Kiandee (kiri) bersama Ahmad (tengah) dan Badrul Hisham (kanan) pada program MAFI Prihatin CSR Rakan Strategik Jabatan Perikanan Malaysia di lobi kementeriannya, hari ini. - Foto Bernamabhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Sebanyak 630 bakul makanan akan diserahkan kepada kumpulan sasar sektor perikanan yang terkesan akibat pandemik COVID-19 melalui program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin.

Pelaksanaan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Rakan Strategik Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) itu akan dimulakan di Pulau Tioman, Pahang, diikuti Port Dickson, Negeri Sembilan; gugusan Kepulauan Lima, Johor; Pulau Pinang; Pulau Redang dan Pulau Perhentian (Terengganu), Melaka serta Selangor.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata pihaknya komited membantu golongan sasar terkesan akibat COVID-19 dan pelaksanaan program MAFI Prihatin itu membabitkan penyertaan semua jabatan serta agensi kementerian itu, selain pihak swasta serta pemain industri sebagai rakan strategik.

"Secara keseluruhan, 630 bakul makanan akan diserahkan kepada kumpulan sasar sektor perikanan bagi pelaksanaan program MAFI Prihatin melalui DOF.

"Sehingga kini, 11 rakan strategik membabitkan 10 agropreneur perikanan dan satu persatuan menyampaikan sumbangan bernilai RM34,500," katanya yang menyempurnakan simbolik penyerahan program MAFI Prihatin di perkarangan Wisma Tani, Putrajaya, di sini, hari ini.

Enam wakil daripada 11 rakan strategik DOF hadir menyerahkan bakul makanan kepada MAFI sebagai simbolik sumbangan kepada program itu.

Hadir sama, Timbalan Menteri MAFI 1, Datuk Ahmad Hamzah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd dan Ketua Pengarah DOF, Ahmad Tarmidizi Ramly.

Bantuan MAFI Prihatin juga diberikan kepada golongan terkesan akibat banjir dan bencana alam serta kepada badan kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memerlukan.

Secara keseluruhannya, sejak 1 Jun hingga 8 Ogos lalu, seramai 71,491 penerima di 400 lokasi seluruh negara menerima manfaat bantuan MAFI Prihatin disampaikan melalui pelbagai jabatan dan agensi kementerian dengan nilai bantuan mencecah lebih RM5.4 juta.

Dalam menyokong Pelan Pemulihan Negara (PPN), program bantuan itu juga menghargai pengorbanan petugas barisan hadapan yang bertungkus-lumus memerangi pandemik.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 13/8/2021 | SABAH MEDIA | ONLINE | |

# Rakan Strategik Jabatan Perikanan Malaysia Laksana CSR MAFI Prihatin Sasar Kumpulan Sektor Perikanan



PUTRAJAYA:Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) terus komited dalam menyokong Pelan Pemulihan Negara (PPN) melalui pelaksanaan Program MAFI Prihatin.

Program yang dirancang khusus bagi membantu golongan sasar yang terkesan akibat pandemik COVID-19 di samping menghargai pengorbanan petugas barisan hadapan yang bertungkus-lumus memerangi pandemik tersebut.

Pelaksanaan program itu melibatkan semua jabatan dan agensi di bawah MAFI dan telah diperkasakan lagi dengan penglibatan pihak swasta dan pemain industri sebagai rakan strategik selaras dengan pendekatan *whole-of-nation* yang menggembleng kerjasama seluruh anggota masyarakat dan kerajaan dalam usaha memerangi pandemik COVID-19.

Hari ini, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee telah menyempurnakan simbolik penyerahan Program MAFI Prihatin 'CSR Rakan Strategik Jabatan Perikanan Malaysia' di perkarangan Wisma Tani, Putrajaya.

Seramai enam wakil daripada 11 Rakan Strategik Jabatan Perikanan Malaysia hadir menyerahkan bakul makanan sebagai simbolik sumbangan kepada Program MAFI Prihatin.

Hadir sama, Timbalan Menteri MAFI 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI Datuk Badrul Hisham Mohd dan Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Ahmad Tarmidizi Ramly.

Penglibatan rakan strategik dalam kalangan usahawan dan projek bimbingan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) yang berminat untuk menyumbang adalah sebagai program *Corporate Social Responsibility* (CSR) syarikat.

Bakul makanan ini akan diserahkan kepada sebahagian kumpulan sasar sektor perikanan di seluruh negara.

Lokasi pertama program penyerahan bakul makanan MAFI Prihatin DOF akan diadakan di Pulau Tioman, Pahang yang melibatkan golongan sasar di pulau tersebut.

Program seterusnya akan dijalankan di Port Dickson, Negeri Sembilan; Gugusan Kepulauan Lima; Johor; Pulau Pinang; Pulau Redang dan Pulau Perhentian, Terengganu, Melaka dan Selangor.

Secara keseluruhan, sebanyak 630 bakul makanan akan diserahkan kepada kumpulan sasar sektor perikanan bagi pelaksanaan program MAFI Prihatin melalui DOF.

Sehingga kini, sebanyak 11 Rakan Strategik yang terdiri daripada 10 Agropreneur Perikanan dan satu Persatuan telah menyampaikan sumbangan bernilai RM34,500.00.

Program MAFI Prihatin yang dilancarkan sejak bulan Januari 2021 akan diteruskan melalui semua jabatan dan agensi di bawah MAFI serta dengan kerjasama strategik bersama pihak swasta khususnya pemain-pemain industri agromakanan bagi membolehkan lebih ramai lagi golongan sasar yang memerlukan mendapat manfaat dan menerima bantuan bagi meringankan beban.

Bantuan melalui MAFI Prihatin juga diberikan kepada golongan yang terkesan akibat banjir dan bencana alam yang lain serta kepada badan kebajikan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang memerlukan.

Secara keseluruhannya, sejak 1 Jun 2021 hingga 8 Ogos 2021 sahaja, seramai 71,491 orang penerima di 400 buah lokasi seluruh negara telah menerima manfaat daripada bantuan MAFI Prihatin yang disampaikan melalui pelbagai jabatan dan agensi di bawah MAFI dengan nilai bantuan mencecah lebih RM5.4 juta.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/8/2021 | BERNAMA | ONLINE | |

# Fisheries Dept's strategic partners donate food items worth RM34,500 for MAFI Prihatin



PUTRAJAYA, 12 Ogos -- Strategic partners of the Department of Fisheries have come forward and contributed food baskets worth RM34,500 to be distributed to deserving recipients under the Ministry of Agriculture and Food Industries' MAFI Prihatin programme.

Minister of Agriculture and Food Industries Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the food basket contributions were part of the participating companies' corporate social responsibility.

He said the food items would be distributed to targeted groups in the fisheries sector.

Among the 11 corporate citizens which came forward to play their part were Syarikat Kimi Ocean Food Industries M Sdn Bhd (Kuala Lumpur) Jamilah Hasil Laut (Perak), Blue Archipelago Berhad (Terengganu) and Pengusaha Isi Ikan Kota Kinabalu (Sabah).

"We hope more private companies will come forward and contribute to the MAFI Prihatin programme which we initiated since the beginning of the year," he told a press conference after the handing over ceremony of the food baskets at Wisma Tani here today.

The location for the first handover of some 630 food baskets is Pulau Tioman, Pahang to be followed by Port Dickson in Negeri Sembilan, Penang and several other locations.

According to Ronald, more than 60,000 food baskets have been distributed to targeted groups via MAFI Prihatin with a value of about RM5.4 million.

He added that programme would be continued with the involvement of more strategic partners.

-- BERNAMA

AUTHOR: No author available SECTION: NEWS PAGE: 14 PRINTED SIZE: 207.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 772.00 ITEM ID: MY0044840289



13 AUG, 2021

Rakan strategik DOF sumbang RM34,500 jayakan program MAFI Prihatin

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia






IKHLAS: Dr Ronald (kiri) menerima sumbangan daripada wakil Reeza Global (M) Sdn Bhd pada Program MAFI Prihatin CSR Rakan Strategik Jabatan Perikanan Malaysia di lobi kementeriannya di Putrajaya semalam. – Gambar Bernama

# Rakan strategik DOF sumbang RM34,500 jayakan program MAFI Prihatin

PUTRAJAYA: Rakan-rakan strategik Jabatan Perikanan (DOF) tampil menyertai Program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin dengan menyumbang bakul makanan keseluruhan bernilai RM34,500.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, sumbangan bakul makanan berkenaan yang merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat syarikat terbabit akan diserahkan kepada kumpulan sasar sektor perikanan.

Antara 11 rakan strategik yang memberikan sumbangan adalah Syarikat Kimi Ocean Food Industries M Sdn Bhd (Kuala Lumpur), Jamilah Hasil Laut (Perak), Blue Archipelago Berhad (Terengganu) dan Pengusaha Isi Ikan Kota Kinabalu (Sabah).

"Kami harap lebih banyak syarikat swasta tampil untuk sama-sama menyumbang bagi menjayakan Program MAFI Prihatin yang telah diusahakan kementerian sejak awal tahun ini," katanya pada sidang media selepas sesi penyerahan bakul makanan di Wisma Tani, di sini semalam.

Lokasi pertama penyerahan 630 bakul makanan MAFI Prihatin DOF adalah di Pulau Tioman, Pahang, diikuti Port Dickson, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan beberapa lokasi lain.

Menurut Ronald, lebih 60,000 bakul makanan telah diagih kepada golongan sasar menerusi program berkenaan dengan nilai bantuan mencecah RM5.4 juta dan usaha diteruskan dengan penglibatan lebih ramai rakan strategik. — Bernama

isentia

AUTHOR: No author available SECTION: NEWS PAGE: 14 PRINTED SIZE: 207.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 772.00 ITEM ID: MY0044840289



13 AUG, 2021

# Rakan strategik DOF sumbang RM34,500 jayakan program MAFI Prihatin

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



## SUMMARIES

PUTRAJAYA: R a k a n - r a k a n s t r a t e g i k Jabatan Perikanan (DOF) tampil menyertai P r o g r am Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin dengan menyumbang bakul makanan keseluruhan bernilai RM34,500.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/8/2021 | TV1 | BERITA NASIONAL | |

## MAFI HAS DISTRIBUTED 60,000 FOOD BASKETS TO THE TARGET GRO



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/8/2021 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

## MAFI Prihatin bantu 71,491 penerima di 400 lokasi seluruh negara



RONALD Kiandee (dua kiri) menerima sumbangan daripada wakil Keropok House & Industry Sdn Bhd pada Program MAFI Prihatin CSR Rakan Strategik Jabatan Perikanan Malaysia di perkarangan Wisma Tani, Putrajaya. -UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sudah menyalurkan bantuan mencecah RM5.4 juta kepada penerima kumpulan sasar di bawah Program MAFI Prihatin yang dilancarkan awal tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, sejak 1 Jun hingga 8 Ogos tahun ini, seramai 71,491 penerima di 400 lokasi seluruh negara menerima manfaat bantuan tersebut.

Menurutnya, program itu yang dilaksanakan dengan kerjasama semua jabatan dan agensi di bawah MAFI akan diteruskan bagi membolehkan lebih banyak golongan sasar terdiri daripada pasukan barisan hadapan, badan kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mendapat manfaat.

"Bantuan MAFI Prihatin juga diberikan kepada golongan yang terkesan akibat banjir dan bencana alam serta badan kebajikan dan NGO yang memerlukan," jelasnya pada Program MAFI Prihatin Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Rakan Strategik Jabatan Perikanan (DOF) di Wisma Tani hari ini.

Ronald berkata, sebanyak 11 rakan strategik Jabatan Perikanan (DOF) telah menyerahkan sumbangan bakul makanan yang bernilai kira-kira RM34,000 untuk agihan.

"Lokasi pertama penyerahan bakul makanan MAFI Prihatin DOF ini akan diadakan di Pulau Tioman, Pahang kemudian disusuli Port Dickson, Negeri Sembilan dan gugusan Kepulauan Lima, Johor

"Lokasi lain termasuklah Pulau Pinang, Pulau Redang dan Pulau Perhentian di Terengganu, Melaka serta Selangor," katanya.

Katanya, secara keseluruhan, sebanyak 630 bakul makanan akan diserahkan kepada kumpulan sasar sektor perikanan. – UTUSAN ONLINE

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/8/2021 | KOSMO | NEGARA | 13 |

# 71,491 orang terima manfaat MAFI Prihatin

**PUTRAJAYA** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyalurkan bantuan mencecah RM5.4 juta kepada penerima kumpulan sasar di bawah Program MAFI Prihatin sejak dilancarkan pada awal tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, sejak 1 Jun hingga 8 Ogos lalu, seramai 71,491 orang penerima di 400 buah lokasi di seluruh negara menerima manfaat bantuan tersebut.

Menurut beliau, program itu yang dilaksanakan dengan kerjasama semua jabatan dan agensi di bawah MAFI akan diteruskan bagi membolehkan lebih banyak golongan sasar mendapat manfaat.

Antara kumpulan yang menerima bantuan tersebut termasuklah petugas barisan hadapan, badan kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Bantuan MAFI Prihatin juga diberikan kepada golongan yang terkesan akibat banjir dan bencana alam serta NGO yang memerlukan," katanya pada Program MAFI Prihatin Tanggungjawab Sosial Korporat Rakan Strategik Jabatan Perikanan (DOF) di Wisma Tani di sini semalam.

Ronald memberitahu, sebanyak 11 rakan strategik DOF telah menyerahkan sumbangan bakul makanan bernilai RM34,000 untuk diagihkan kepada kumpulan sasar.

"Lokasi pertama penyerahan bakul makanan MAFI Prihatin DOF ini akan diadakan di Pulau Tioman, Pahang seterusnya ke Port Dickson, Negeri Sembilan dan Kepulauan Lima, Johor

"Lokasi lain termasuklah Pulau Pinang, Pulau Redang dan Pulau Perhentian (Terengganu), Melaka dan Selangor," kata beliau.

Secara keseluruhannya, sebanyak 630 bakul makanan akan diserahkan kepada kumpulan sasar sektor perikanan.



**RONALD (kiri) menunjukkan tanda bagus sebagai simbolik penyerahan sumbangan bakul makanan MAFI Prihatin CSR Rakan Strategik DOF di pekarangan Wisma Tani, Putrajaya semalam.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/8/2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 14 |

# Kumpulan sasar sektor perikanan terima 630 bakul makanan

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 630 bakul makanan akan diserahkan kepada kumpulan sasar sektor perikanan yang terkesan akibat pandemik COVID-19 melalui program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin.

Pelaksanaan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Rakan Strategik Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) itu akan dimulakan di Pulau Tioman, Pahang; diikuti Port Dickson, Negeri Sembilan; gugusan Kepulauan Lima, Johor; Pulau Pinang; Pulau Redang dan Pulau Perhentian (Terengganu), Melaka serta Selangor.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata pihaknya komited membantu golongan sasar terkesan akibat COVID-19 dan pelaksanaan program MAFI Prihatin itu membabitkan penyertaan semua jabatan serta agensi kementerian itu, selain pihak swasta serta pemain industri sebagai rakan strategik.

"Secara keseluruhan, 630 bakul makanan diserahkan kepada kumpulan sasar sektor perikanan bagi pelaksanaan program MAFI Prihatin melalui DOF.

"Sehingga kini, 11 rakan strategik membabitkan 10 agropreneur perikanan dan satu persatuan menyampaikan sumbangan bernilai RM34,500," katanya yang menyempurnakan simbolik penyerahan program MAFI Prihatin, di pekarangan Wisma Tani, Putrajaya, di sini, semalam.

Enam wakil daripada 11 rakan strategik DOF hadir menyerahkan bakul makanan kepada MAFI sebagai simbolik sumbangan kepada program itu.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri MAFI 1, Datuk Ahmad Hamzah; Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd dan Ketua Pengarah DOF, Ahmad Tarmidizi Ramly.

Bantuan MAFI Prihatin juga diberikan kepada golongan terkesan akibat banjir dan bencana alam serta kepada badan kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memerlukan.

Secara keseluruhannya, sejak 1 Jun hingga 8 Ogos lalu, seramai 71,491 penerima di 400 lokasi seluruh negara menerima manfaat bantuan MAFI Prihatin disampaikan melalui pelbagai jabatan dan agensi kementerian dengan nilai bantuan mencecah lebih RM5.4 juta.

Dalam menyokong Pelan Pemulihan Negara (PPN), program bantuan itu juga menghargai pengorbanan petugas barisan hadapan yang bertungkus-lumus memerangi pandemik.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/8/2021 | NST | NEWS | 6 |

MAFI PRIHATIN PROGRAMME

# Fisheries Dept strategic partners donate food baskets

**PUTRAJAYA:** Strategic partners of the Fisheries Department have contributed food baskets worth RM34,500 to deserving recipients under the Agriculture and Food Industries Ministry's MAFI Prihatin programme.

Its minister, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, said the food items would be distributed to targeted groups in the fisheries sector.

The 11 companies that came forward to play their part included Syarikat Kimi Ocean Food Industries M Sdn Bhd (Kuala Lumpur), Jamilah Hasil Laut (Perak), Blue Archipelago Berhad (Terengganu) and Pengusaha Isi Ikan Kota Kinabalu (Sabah).

"We hope more private companies will contribute to the MAFI Prihatin programme, which we initiated since the beginning of the year," Ronald said after the handing-over of food baskets at Wisma Tani here yesterday.

The first distribution of 630 food baskets will be in Pulau Tioman, Pahang, followed by Port Dickson in Negri Sembilan, Penang and other locations.

Ronald said more than 60,000 food baskets had been distributed to targeted groups via MAFI Prihatin with a value of RM5.4 million. He added that the programme would be continued with the involvement of more strategic partners. **Bernama**




*Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (second from left) receiving a contribution from the representative of Rezza Global (M) Sdn Bhd for the MAFI Prihatin programme in Putrajaya yesterday.* PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 13/8/2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 24 |

# Jual baja, benih betik lagi laku

**Oleh ABDUL RAZAK IDRIS**
utusannews@mediamulia.com.my

**SHAH ALAM:** Seorang penternak lembu yang terpaksa menjual kesemua ternakannya akibat terkesan dengan pandemik Covid-19 bangkit menjadi usahawan benih betik dan baja berjaya.

Mohamad Azhan Mohamad Ramlan, 41, yang juga pemilik syarikat D Zahan Worldwide Sdn. Bhd. memberitahu, dia terpaksa melepaskan semua 60 ekor ternakannya di Simpang Renggam, Johor kerana tidak lagu mampu menguruskannya.

"Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang pandemik Covid-19 sememangnya memberi kesan kepada perniagaan penternakan lembu saya di Johor.

"Tidak mahu tanggung kerugian berterusan, saya jual semua lembu dan menggunakan hasil jualan sebagai modal untuk beralih kepada perniagaan menjual baja jenama Milagro serta membekal benih betik. Gabungan baja dan benih tersebut menghasilkan buah betik yang berkualiti," katanya.



**MOHAMAD Azhan Mohamad Ramlan bergambar di sisi benih betik yang menjadi produk jualannya di samping baja Milagro.**

Katanya, sejak menceburi bidang perniagaan baharu, sebanyak 300 hingga 400 benih betik berjaya dijual dalam tempoh sebulan sejak Jun lalu di Lembah Klang dan Pera, sementara baja Milagro pula, sebanyak 50 hingga 100 unit berjaya dijual secara dalam talian seiring penjualan benih betik tersebut.

Mengulas mengenai bantuan geran daripada kerajaan katanya, ada syarat-syarat yang ditetapkan menyebabkan dia tidak layak.

"Sebelum ini saya dapat geran untuk membina bangunan di ladang ternakan di Johor bawah geran Agrotourism daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Namun terpaksa ditolak disebabkan PKP yang baru bermula.

"Saya berharap pihak Kerajaan memberi geran bersasar kepada usahawan tani seperti saya tanpa syarat-syarat yang ketat. Saya berharap syarat yang menyukarkan usahawan seperti saya untuk memohon dilonggarkan," katanya.

Orang ramai yang berminat mendapatkan benih betik dan baja Milagro boleh menghubunginya di Facebook Squad Gold Milagro dan Facebook Azhan Rock atau di talian 0122025729.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/8/2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 21 |

# Cikgu amal sendiri ilmu diajar

## Warga emas miliki 50 log kelulut turut proses jadikan produk sabun madu kelulut

**Kota Bharu**

Bermula sekadar hobi menjadikan lima log kelulut sebagai hiasan di sekeliling rumah, seorang pesara kerajaan kini mampu tersenyum lebar apabila usahanya dalam menternak kelulut kini menjadi sumber pendapatan sampingan.

Mohd Nashir Yaacob, 62, berkata dalam tempoh pandemik Covid-19, permintaan madu kelulutnya itu semakin meningkat kerana khasiat dimiliki seperti mengandungi kandungan antioksidan yang tinggi.

Ditemui di rumahnya di Kampung Che Arus, Kok Lanas di sini, Mohd Nashir berkata, beliau mengadaptasi kemahiran yang dimiliki sebagai pengajar peserta kursus penternakan lebah kelulut ketika bertugas di Jabatan Pertanian Negeri Kelantan untuk mencipta taman hijau di sekeliling rumahnya selepas bersara pada 2012.

"Jumlah log kelulut saya pernah mencecah 300 namun kini hanya tinggal 50 berikutan ada yang berminat membelinya," katanya.

Bercerita lanjut, Mohd Nashir yang mesra disapa sebagai Pok Sir berkata, usaha secara santai dan niat mahu berbaik dengan alam semula jadi di sekeliling rumah itu turut menjadi terapi dirinya dalam tempoh sekatan pergerakan ketika ini.

"Kerja-kerja menyedut madu kelulut dilakukan setiap dua atau tiga minggu sekali dengan purata tuaian setiap log kelulut itu antara 700 hingga 800 gram.





MOHD Nashir menjadikan kemahiran menternak kelulut sebagai pendapatan sampingan yang dijalankan di sekeliling rumahnya di Kampung Che Arus, Kok Lanas, Kota Bharu.

**Purata tuaian setiap log kelulut antara 700 hingga 800 gram**

Madu yang dituai kemudiannya akan dimasukkan ke dalam botol untuk dijual kepada pelanggan secara runcit atau borong.

"Dalam masa sama, saya juga memprosesnya menjadi produk sabun berasaskan madu kelulut yang turut mendapat permintaan tinggi," katanya yang memiliki lima anak.

Ditanya rahsia mampu terus aktif dalam penternakan madu kelulut, Mohd Nashir berkata, perkara utama ialah kesesuaian kawasan dan penjagaan terutama sumber makanan bagi keselesaan lebah kelulut menghasilkan banyak madu serta berkhasiat.

"Di sekitar kawasan rumah ini, saya akan pastikan ada pokok-pokok yang disukai oleh lebah kelulut seperti bunga kelapa, bunga jambu, bunga rambutan dan bunga akasia kerana kualiti madu pula ditentukan oleh jumlah bunga yang dikunjungi seekor lebah kelulut," katanya yang mendapat sokongan isteri, Ramlah Salim, 62.